

TARIKH	05 / 05 / 2014	SEKSYEN	LUAR NEGARA
MUKA SURAT	16	RUANGAN	

Agensi berhenti terima permohonan visa umrah, haji berikutan jangkitan MERS-CoV

Tolak warga emas, kanak-kanak

MEKAH 4 Mei - Beberapa agensi perkhidmatan haji dan umrah di Arab Saudi telah berhenti menerima permohonan visa bagi jemaah kanak-kanak serta individu berumur lebih 60 tahun berikutan amaran Kementerian Kesihatan Arab Saudi tentang jangkitan Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (MERS-CoV).

Akhbar *Arab News* melaporkan Presiden Jawatankuasa Haji dan Umrah, Dewan Perundangan Perdagangan dan Industri Mekah, Saad al-Quraishi menjelaskan, pihaknya juga akan berhenti menyediakan visa haji kepada jemaah yang belum mendapatkan vaksin melawan penyakit selesema yang lain.

Penyebaran jangkitan MERS-CoV di wilayah barat Arab Saudi, khususnya Mekah, Madinah dan Jeddah telah menyebabkan banyak agensi perkhidmatan haji dan umrah meno-

lak permohonan visa warga emas, walaupun kerajaan belum mengeluarkan keputusan rasmi berhubung hal itu.

Keputusan rasmi dijangka dikeluarkan dua bulan selepas bulan Ramadan.

Dalam perkembangan berkaitan, sebanyak 18 kes baharu MERS-CoV serta empat lagi kematian dilaporkan semalam di negara ini.

Jumlah itu meningkatkan korban akibat jangkitan berkenaan kepada 111 orang sejak 2012.

Pihak Berkuasa Palestin Jumaat lalu menasihatkan rakyatnya yang ingin menunaikan haji atau umrah pada tahun ini supaya menanggukkan ibadah itu berikutan jangkitan MERS-CoV.

Ketua Pengarah Jabatan Kesihatan, Asaad Ramlawi berkata, gesaan itu dibuat terutamanya bagi kanak-kanak di bawah umur 12 tahun, wanita mengandung, warga emas melebihi 65 tahun



GAMBAR bertarih 22 April lalu, merakamkan kakitangan sebuah hospital di Jeddah memakai topeng muka sebagai langkah berjaga-jaga terhadap jangkitan MERS-CoV. - AFP

serta individu yang menghidap penyakit kronik.

Minggu lalu, Menteri Kesihatan Arab Saudi, Adel Fakeih menyarankan supaya jemaah kanak-kanak

dan warga tua berusia lebih 60 tahun menanggukkan ibadah haji dan umrah sehingga jangkitan penyakit tersebut surut.

Agensi perkhidmatan haji dan

umrah turut memperkenalkan langkah pencegahan wabak itu kepada jemaah umrah dan haji bagi menghalang sebarang risiko jangkitan.